

EKUITI

Saya mahu membeli saham untuk **pelaburan jangka masa panjang** saya. Apakah yang perlu saya lakukan?

ANALISIS ASAS



Adakah keputusan kewangan syarikat itu baik?

Dalam analisis asas, adalah kritikal untuk menganalisa keputusan kewangan syarikat, prestasi pengurusan syarikat dan sebarang data ekonomi masa hadapan. Ini adalah untuk mengetahui sama ada terdapat peluang pelaburan untuk anda.

Adakah ia terkurang harga atau terlebih harga?

Tujuannya adalah untuk menentukan sama ada nilai intrinsiknya sama dengan nilai semasa. Para pelabur hendaklah melakukan analisis atas ke bawah dan bawah ke atas pada kedua-dua faktor kuantitatif dan kualitatif saham tersebut.

Data masa lalu dan masa hadapan diperlukan

Data yang terkumpul kebanyakannya daripada penyata kewangan syarikat, laporan berita, peristiwa/laporan ekonomi dan analisis statistik industri.

Pendekatan pelaburan jangka masa panjang

Terutamanya bagi pendekatan masa untuk pelaburan jangka masa panjang, yang sering dapat menganalisis data selama tempoh beberapa tahun.

Ramai yang telah berjaya dengan menggabungkan dua kaedah ini. Jadi, mari kita mula melabur

Ukuran utama yang digunakan oleh penganalisis dalam memilih saham adalah asasnya, yang merangkumi kekuatan kewangan, tokoh industri dan pengurusan kualiti yang baik.

Cari syarikat yang mempunyai tadbir urus yang baik, keuntungan yang tinggi, peningkatan pendapatan daripada perniagaan teras, kemampuan untuk membayar hutang dan mempunyai tahap aliran tunai yang tinggi.



Hmm... saya berfikir untuk membeli saham untuk dagangan **jangka masa pendek**.

ANALISIS TEKNIKAL

VISI



Dalam analisis teknikal, adalah penting untuk memahami carta harga sejarah dan data statistik pasaran sesebuah syarikat. Sekiranya corak pasaran terdahulu wujud, maka adalah lebih mudah untuk membuat sesuatu keputusan.

Adakah anda dapat mengenal pasti corak pasaran?

MATLAMAT



Ini bertujuan untuk menilai tren data sejarah (masa masuk dan keluar) dan momentum perubahan harga. Menggunakan kaedah statistik asas untuk mengenal pasti corak dan meramalkan pergerakan masa depan berdasarkan data pasaran masa lalu.

Adakah corak ini akan berulang pada masa akan datang?

DATA DIKUMPUL DARIPADA



Secara teknikal, data dihasilkan daripada pembacaan analisis carta dan grafik serta volum pasaran daripada aktiviti-aktiviti syarikat.

Disokong oleh sumber data yang relevan


HORIZON MASA



Pendekatan dagangan jangka masa pendek yang boleh digunakan dalam jangka waktu beberapa minggu, hari atau bahkan beberapa minit.

Pendekatan dagangan jangka masa pendek

MEMBANDINGKAN ANALISIS SAHAM



Metrik penting dalam analisis teknikal adalah tren harga dan jumlah saham yang diperdagangkan. Mana-mana tren yang digabungkan dengan volum yang lebih tinggi menunjukkan tren yang lebih kuat. Cari pembalikan tren sebenar yang meningkat dalam harga yang disokong oleh volum yang lebih tinggi.

Anda boleh menggunakan kedua-dua kaedah ini untuk meneliti dan meramalkan tren masa depan untuk saham yang dipilih. Jadi, mari kita mula berdagang

PENAFIAN

Maklumat yang diberikan dalam infografik ini adalah untuk tujuan maklumat umum sahaja. Maklumat tersebut bukan merupakan nasihat undang-undang, kewangan, perdagangan atau pelaburan. Anda disarankan untuk mendapatkan nasihat bebas dan/atau merujuk kepada undang-undang dan peraturan yang relevan sebelum bergantung atau mengambil tindakan berdasarkan maklumat dalam infografik ini. Bursa Malaysia Berhad dan/atau kumpulan syarikat Bursa Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti yang timbul dalam apa jua bentuk, termasuk sebarang liabiliti yang timbul daripada sebarang keputusan yang dibuat berdasarkan maklumat ini.